



## KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA

#### STATUS TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan **satu (1) kes yang telah sembuh sepenuhnya** dan dibenarkan pulang hari ini pada 17 Februari 2020.
  - Kes tersebut adalah Kes ke-9, melibatkan seorang lelaki warganegara Malaysia berumur 41 tahun, yang sebelum ini dirawat di Hospital Sungai Buloh.
  - Beliau juga merupakan warganegara Malaysia pertama yang disahkan positif jangkitan COVID-19.
- Sehubungan itu, KKM juga ingin memaklumkan bahawa **TIADA** kes baru dilaporkan pada hari ini, 17 Februari 2020.
  - Jumlah kumulatif kes COVID-19 yang dilaporkan sehingga hari ini **KEKAL** sebanyak 22 kes dimana **hanya 13 kes yang masih dirawat di wad.**
- Daripada keseluruhan 22 kes yang dilaporkan:
  - 12 kes dalam kalangan kes *Patient-Under-Investigation* (PUI)
  - Lapan (8) kes dalam kalangan kontak rapat
  - Dua (2) kes dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang dengan Misi Bantuan Kemanusiaan.

- Daripada jumlah keseluruhan 22 kes itu juga:
  - 15 orang adalah warganegara China
  - Enam (6) orang adalah warganegara Malaysia
  - Seorang (1) adalah warganegara Amerika Syarikat.
- Daripada 22 kes positif COVID-19 yang dikesan di Malaysia:
  - **Sembilan (9) kes telah discaj** daripada wad.
  - Mereka telah menjalani ujian pengesanan ulangan COVID-19 dan didapati negatif sebanyak dua (2) kali berturut-turut.

### **PATIENT-UNDER-INVESTIGATION (PUI) DAN PENGESANAN KONTAK RAPAT**

- Sehingga 17 Februari 2020:
  - Sebanyak 557 *Patient-Under-Investigation* (PUI) dilaporkan ke CPRC
  - Sebanyak 316 kontak rapat telah dikenalpasti.
- KKM ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua warga kerja KKM yang telah berkerja keras dalam menangani kejadian COVID-19 di Malaysia.

### **KOMITMEN KKM**

- Sebagaimana kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia semalam berkenaan seorang wanita warganegara Amerika Syarikat yang disahkan positif jangkitan COVID-19.
- Komunikasi dengan negara Kemboja telah dilakukan melalui *International Health Regulations (IHR) Focal Point* Malaysia, di mana *IHR Focal Point* Malaysia telah berhubung dengan *IHR Focal Point* Kemboja sejak 14 Februari 2020, sebelum kes positif ini dikesan.

- Pada petang ini, saya telah membuat telesidang (*teleconference*) bersama dengan Menteri Kesihatan Kemboja, H.E. Prof Mam Bunheng, bagi memperkukuhkan kerjasama di antara dua negara dalam usaha menangani kejadian jangkitan COVID-19 ini.
- Pada telesidang tersebut, saya telah maklumkan kepada beliau bahawa pesakit warganegara Amerika Syarikat tersebut menunjukkan tahap kesihatan yang semakin baik. Saya turut memaklumkan bahawa ujian pengesanan COVID-19 ulangan telah dijalankan mengikut tatacara yang telah ditetapkan dan didapati masih positif.
- Saya dan Menteri Kesihatan Kemboja berharap keadaan kesihatan pesakit berkenaan bertambah baik.
- KKM akan terus bekerjasama secara rapat dengan semua Negara yang terlibat dan pihak WHO dalam pengurusan kes COVID-19 dan penyelarasan maklumat bagi menjalankan aktiviti pengesanan kontak rapat.
- KKM ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan agensi-agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menangani kejadian COVID-19.
- Kerjasama dan sokongan yang diberikan kepada pihak KKM amatlah dihargai.
- KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO.
- Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD**  
Menteri Kesihatan Malaysia

17 Februari 2020